PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 Mac 2009

SOALAN

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan KPWKM telah pun melancarkan Program CARI dan apakah tahap kejayaan terkini Program CARI dalam usaha membantu memberikan kemudahan bantuan tanpa kerenah birokrasi kepada mereka yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak pelancaran Projek CARI pada 17 Julai 2008 sehingga 6 Mac 2009, sebanyak 117,479 kes golongan yang berkeperluan telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50,560 kes telah diluluskan bantuan kewangan, 44,293 kes masih dalam siasatan manakala 22,626 kes lagi tidak diluluskan. Jumlah bantuan kewangan bagi kes baru yang telah diluluskan ini adalah sebanyak RM14.1 juta. Pelaksanaan Projek CARI ini telah dilaksanakan secara berkesan dan cepat dengan bantuan seramai 870 orang Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 (Sambilan). Pelaksanaan Projek CARI bukan sahaja membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan pengesanan dan siasatan awal terhadap kes-kes tercicir dan terpinggir di seluruh negara yang memerlukan bantuan, tetapi juga berjaya mengenalpasti keperluan dan masalah sosial lain yang dihadapi oleh masyarakat seperti rumah usang, kanak-kanak tidak bersekolah dan kanak-kanak tiada dokumen yang dirujukkan kepada agensi Kerajaan berkaitan untuk tindakan lanjut. Dengan cara ini nasib kanak-kanak yang memerlukan bantuan dalam pelbagai aspek dapat diberikan bantuan sewajarnya tanpa perlu melalui proses permohonan biasa di mana klien perlu berurusan sendiri dengan agensi-agensi berkaitan.